



Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29/4/2011



SuaraBlog

Video seks, pakatan dan pemilihan Pas

HAMPIR sebahagian besar dunia blog minggu ini sesak dengan kisah rakaman video seks siri kedua yang didakwa melibatkan seorang pemimpin pembangkang yang dimuat naik ke dalam YouTube kelmarin, yang kemudiannya disiarkan oleh blog-blog terbabit.

Lucunya, walaupun sebahagian besar blog mesra pembangkang bermati-matian cuba menafikan penglibatan pemimpin terbabit dengan rakaman video seks tersebut tetapi pada masa sama mereka tetap menyiarkan rakaman tersebut dalam bentuk imej.

Blog **Duke of UMNO** (*dukeofumno.blogspot.com*) yakin rakaman video itu telah ditonton oleh ramai rakyat Malaysia tanpa mengira sama ada mereka penyokong kerajaan mahupun pembangkang semata-mata mahu melihat sendiri apakah benar berlaku di dalam rakaman tersebut adalah pemimpin yang disebut-sebut itu.

Katanya, benar atau tidak lelaki dalam rakaman tersebut adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim, apa yang jelas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu telah dilihat sebagai libaliti kepada pakatan pembangkang baik di kalangan pemimpin Pas dan DAP mahupun di peringkat akar umbi.

"Majoriti mereka menyesal dengan idea Pas dan DAP bergabung dengan PKR. PKR memang "busuk", kata mereka. Sudah lama mereka mahu parti mereka keluar dari pakatan dan bergerak secara solo sebagaimana dahulu.

"Sekiranya Anwar ada rasa tanggungjawab, malu dan sedar diri, dia sepatutnya meletakkan jawatan sebagai Ketua Pembangkang dan berikan kepada DAP. Kemudian, dia

seharusnya melepaskan kedudukannya sebagai Ketua Umum (PKR) yang tidak pernah dipertandingkan itu," katanya.

Blog **Gelombang Rakyat** (*gelombang-rakyat.blogspot.com*) pula mendakwa beberapa pemimpin Pas peringkat negeri mula mendesak agar Anwar melepaskan kesemua jawatan politiknya bagi memberi fokus terhadap tuduhan-tuduhan yang sedang dihadapinya.

"Walaupun pada asasnya mereka menganggap penyebaran video seks itu sebagai satu serangan politik, namun Anwar juga mesti membuktikan kepada masyarakat bahawa beliau bukan individu di dalam video itu. Mereka juga turut senada dengan keputusan Setiausaha Agung Pas, (Datuk) Mustafa Ali bahawa keputusan hasil kajian pihak polis sebagai penentu masa depan pembangkang," kata penulis blog ini.

Bagi blog **Pelantaq Hujah** (*pelantaqhujah.blogspot.com*) pula melihat percanggahan pandangan antara Mustafa Ali dan Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali tentang hal itu. Pas selepas tersebar rakaman video seks adalah detik-detik keretakan kedua-dua parti pembangkang itu.

Ini ditambah pula rasa berang Timbalan Mursyidul Am Pas, Datuk Dr. Haron Din kepada lidah rasmi PKR, *Suara Keadilan* yang menyiarkan laporan yang bercanggah dengan kenyataan sebenar beliau berhubung akhbar *Utusan Malaysia*.

"Adakah ini tanda-tanda bahawa PKR dan Pas sudah semakin retak? Retaknya bukan lagi menunggu belah, tetapi retaknya menjadi ribuan retak. Setiap hari kita dapat me-

lihat masing-masing mengeluarkan kenyataan yang saling bertentangan," katanya.

Mengulas mengenai laporan tidak benar *Suara Keadilan* berhubung kenyataan Haron, blog **Taiping Mali** (*taipingmali.blogspot.com*) berkata, jelas sekali Haron yang diketahui tetap berpegang kepada kebenaran kini terhimpit dengan politik kepartian yang disertainya.

Kata blog ini, apabila Haron berkata "jangan baca akhbar yang membawa berita fitnah sebab hukumnya haram", beliau tidak langsung berfikir untuk menyatakan perkara yang tidak benar, sebaliknya ia berlandaskan al-Quran dan ijmak.

"Tetapi malangnya Ustaz Haron tersilap kerana menyertai parti gerombolan pakatan pembangkang. Akibatnya kata-kata beliau diubah dan dijadikan "tidak benar" dan terpaksa dinafikan sekeras-kerasnya. Inilah antara risiko dan cabaran yang perlu dihadapi oleh Haron Din dan ustaz-ustaz lain yang mukhlisin (apabila terlibat dengan politik kepartian yang sempit)," katanya.

Sementara itu, agak menarik juga untuk melihat perkembangan dalam Pas menjelang pemilihan pucuk pimpinan parti itu Jun ini. **Mohd Sayuti Omar** (*msomelayu.blogspot.com*) berkata, ada kemungkinan pemilihan pucuk pimpinan pada Muktamar Pas kali ini bakal menyaksikan pertembungan tiga penjurong bagi jawatan Timbalan Presiden iaitu antara penyandangannya Nasharuddin Mat Isa, Mohamad Sabtu dan Tuan Ibrahim Tuan Man.

Beliau berkata, Nasharudin mempunyai

beberapa keistimewaan tetapi malangnya ia tidak dimanfaatkan sepenuhnya sehingga beliau kelihatan tidak berketerampilan manakala Mohamad Sabtu walaupun telah menyatakan hasrat untuk bertanding tetapi beliau tidak begitu disenangi.

"Khabarnya Tok Guru Nik Aziz telah menyatakan cadangan agar Tuan Ibrahim Tuan Man bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden... Apabila isyarat itu sudah jelas, saya percaya selepas ini senario dalam perebutan jawatan timbalan presiden akan berubah. Sekali gus ia akan merancakkan mutktamar Pas kali ini. Pertandingan mungkin bukan dua penjurong tetapi tiga, atau mungkin akan ada yang menarik diri," katanya.

Blog **Penyokong Pas** (*penyokongpas.wordpress.com*) pula berkata, kebanyakan veteran Pas mahukan Nasharuddin kekal sebagai pemimpin nombor dua dalam parti itu dengan mengambil kira kebolehan yang ada pada beliau.

Katanya, Pas tidak perlu orang 'berani tetapi bengap'. Pas juga tidak perlu orang yang 'kaya tetapi kedekut' sebagai Timbalan Presiden. Pas kena kembali kepada politik zaman Asri (Datuk Asri Muda). Cekap, pantas mengintai peluang dan tidak terlalu setia dengan pakatan politik.

"Jangan cepat sangat nak menyanjung individu. Kena tengok jangka panjang. Kena tengok kemampuan kita di bawah," kata blog itu.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my